

Banteras mungkar di masjid —Dr. M

BANGI, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan umat Islam jangan sekali-kali menjadikan masjid sebagai tempat memecahbelahkan umat Islam.

Bellau kesal kerana "kejadian yang malang ini" pernah berlaku di negara ini.

Perdana Menteri berkata, imam-imam perlu meningkatkan lagi keupayaan mereka membanteras kejadian tersebut.

Ini, tegasnya, adalah penting kerana mereka akan bersalah jika "perkara yang mungkar ini" dibiarkan berlaku.

Berucap merasmikan Kursus Kefahaman Islam peringkat kebangsaan anjuran bersama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Rabitah Al-Alam Al-Islami di Dewan Tun Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, beliau berkata:

"Masjid adalah tempat orang Islam berkumpul dan menjalin silaturahmi. Tentulah salah jika masjid dijadikan tempat kita memecahbelahkan umat Islam.

"Tetapi malangnya ini pernah terjadi di negara kita dan apakah peranan

imam di sini. Tentulah mereka bersalah jika perkara yang mungkar ini dibiarkan berlaku.

"Tetapi kadangkala mereka tidak berupaya mengatasinya. Di sinilah kita perlu meningkatkan keupayaan imam-imam kita supaya kita dapat membanteras kejadian yang malang ini".

Perdana Menteri bagaimanapun tidak menyebut tempat di mana berlakunya "kejadian mungkar" itu dan golongan yang bertanggungjawab melakukannya.

Selanjutnya, beliau berkata sebuah Jawatankuasa Masjid Peringkat Persekutuan di bawah Majlis Kebangsaan Hal-ehwal Agama Islam telah ditubuhkan dalam usaha menjadikan masjid sebagai pusat dakwah dan perpaduan umat Islam yang utama.

Katanya, jawatankuasa berkenaan sedang meneliti rancangan kerjasama antara semua negeri dalam usaha mencapai matlamat tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata Kerajaan bersetuju melantik seorang wakil negara ini duduk dalam Jawatankuasa Masjid Peringkat Wilayah berpusat di bawah naungan Rabitah yang berpusat di Jakarta.